

## Analisis Keperluan Model Proses Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Singapura

*(Needs Analysis for a Model Process in Developing Malay Language Textbooks for Primary Schools in Singapore)*

Salha Mohamed Hussain<sup>1</sup>, Dahlia Janan<sup>2\*</sup>

<sup>1</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [salha67@gmail.com](mailto:salha67@gmail.com)

<sup>2</sup>Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), 35900, Tanjong Malim, Perak, Malaysia.

Email: [dahlia@fbk.upsi.edu.my](mailto:dahlia@fbk.upsi.edu.my)

### CORRESPONDING

#### AUTHOR (\*):

Dahlia Janan

([dahlia@fbk.upsi.edu.my](mailto:dahlia@fbk.upsi.edu.my))

### KATA KUNCI:

Buku teks

Proses pembinaan

Keberkesanaan

Analisis keperluan

### KEYWORDS:

Textbooks

Development process

Effectiveness

Needs analysis

### CITATION:

Salha Mohamed Hussain, & Dahlia Janan. (2025). Analisis Keperluan Model Proses Pembinaan Buku Teks Bahasa Melayu Sekolah Rendah di Singapura. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 10(2), e003264. <https://doi.org/10.47405/mjssh.v10i2.3264>

### ABSTRAK

Pembinaan buku teks merupakan satu proses yang rumit dan memerlukan langkah-langkah yang sistematik. Hal ini akan menjamin keberkesanan buku teks dan kebolehgunaannya dalam pengajaran dan pembelajaran. Kajian ini merupakan analisis keperluan dalam fasa satu reka bentuk kajian Design and Development Research (DDR). Tujuan kajian analisis keperluan ini dilaksanakan adalah bagi mengenal pasti keperluan membangunkan model proses pembinaan buku teks Bahasa Melayu untuk peringkat sekolah rendah. Kajian dilakukan secara kualitatif menggunakan kaedah temu bual dengan pelajar, guru dan pakar yang terlibat dalam penelitian buku teks di Singapura. Seramai 30 pelajar, 20 guru dan 11 orang pakar telah ditemu bual. Data daripada pelajar dan guru didapatkan melalui perbincangan kumpulan berfokus atau *Focus Group Discussion* (FGD). Data temu bual pakar pula dianalisis menggunakan analisis tematik dengan bantuan perisian Delve. Dapatan kajian ini menunjukkan terdapat keperluan bagi penyelidik membangunkan model yang menunjukkan proses pembinaan buku teks. Oleh itu, diharapkan model ini dapat digunakan oleh pelbagai pihak berkepentingan sebagai satu panduan bersistematik untuk menghasilkan buku teks yang bermutu dan berkesan.

### ABSTRACT

The development of textbooks is a complex process that requires systematic steps. This ensures the effectiveness and usability of the textbooks in teaching and learning. This study is a needs analysis in the first phase of the Design and Development Research (DDR) methodology. The purpose of this needs analysis is to identify the requirements for developing a process model for the construction of Malay

language textbooks for primary school levels. The study was conducted qualitatively using interviews with students, teachers, and experts involved in textbook research in Singapore. A total of 30 students, 20 teachers, and 11 experts were interviewed. Data from students and teachers were collected through Focus Group Discussions (FGD), while the interview data from the experts were analyzed using thematic analysis with the assistance of Delve software. The findings of the study indicate a need for the researchers to develop a model that outlines the textbook development process. Therefore, it is hoped that this model can be used by various stakeholders as a systematic guide for producing high-quality and effective textbooks.

**Sumbangan/Keaslian:** Sumbangan utama kajian ini ialah mendapati bahawa terdapat keperluan untuk membangunkan model proses pembinaan buku teks yang sistematik dan dinamik untuk membina buku teks yang lebih bermutu sekaligus meningkatkan pengajaran dan pembelajaran.

## 1. Pengenalan

Sistem pendidikan di Singapura melalui pelbagai arus perubahan sejak lima abad yang lalu. Beberapa dasar telah berubah secara berterusan sejajar dengan pembangunan dan keperluan negara. Faktor-faktor seperti globalisasi, perubahan demografi, trend dan isu global, dan kemajuan teknologi adalah sebahagian daripada kuasa yang membentuk satu persekitaran yang dipanggil VUCA yang bermaksud kemeruapan (*volatility*), ketidakpastian (*uncertainty*), kerumitan (*complexity*) dan ketaksaan (*ambiguity*).

Disebabkan empat faktor yang dinyatakan tadi, maka kurikulum di Singapura harus melalui perubahan setiap enam hingga lapan tahun. Kurikulum ini berfokus kepada perkara-perkara seperti pendidikan holistik dan Kemahiran Abad ke-21 agar pelajar lebih bersedia untuk melalui dunia pekerjaan dan kehidupan pada masa hadapan (Hafni et al., 2023).

Dalam perubahan kurikulum, pastinya bahan pengajaran dan buku teks yang digunakan oleh pelajar juga perlu diubah. Hal ini harus dilakukan untuk memastikan relevanan dengan keadaan semasa dan profil pelajar (Jolly & Bolitho, 2011). Buku teks, bahan pengajaran utama, memainkan peranan penting dalam proses pengajaran dan pembelajaran kerana buku teks merupakan agen utama dalam menyampaikan pengetahuan kepada pelajar. Buku teks merupakan salah satu faktor penting yang mempengaruhi pembelajaran (Son & Diletti, 2017) kerana buku teks disusun dengan cara progresif daripada konsep yang asas sehingga konsep yang lebih lanjut dan kompleks. Selain itu, buku teks yang berkualiti perlu memikirkan empat perkara penting iaitu strategi pengajaran, perbezaan individu, input, sosial, dan motivasi (Dahlia Janan et al., 2024). Penggunaan buku teks yang bermutu akan dapat mempengaruhi pengajaran dan pembelajaran dalam pelbagai cara (Behnke, 2018).

### 1.1. Permasalahan Kajian

Dalam penelitian pengkaji, didapati tidak banyak kajian yang membincangkan proses atau langkah-langkah pembinaan bahan atau buku teks yang berstruktur. Pelbagai kajian

tentang pembinaan bahan lebih tertumpu pada menilai keberkesanan bahan itu sendiri. Buku teks ialah sumber dan alat penting bagi pengajaran guru dan pembelajaran pelajar (Li & Wang, 2024). Buku teks merupakan bahan rujukan utama, di samping bahan-bahan pengajaran lain di sekolah, yang diperlukan oleh pelajar untuk mewujudkan kesan positif terhadap pembelajaran dan mutu pendidikan secara umum. Oleh itu, mutu sesuatu sistem pendidikan itu boleh dipengaruhi oleh buku teks (Musilekwa & Mulenga, 2019).

Oleh itu, pengkaji melihat adanya keperluan untuk membangunkan satu model yang menerangkan dengan jelas dan berstruktur proses dalam pembinaan buku teks. Dengan adanya model yang komprehensif, hal ini dapat membantu untuk memastikan bahawa buku teks yang dibina itu bermutu dan berkesan (Tomlinson & Masuhara, 2010).

## 1.2. Objektif Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi keperluan pengkaji untuk mendapatkan data bagi menghasilkan model proses pembinaan buku teks. Fasa analisis keperluan ini merupakan fasa pertama dalam kajian reka bentuk dan pembangunan. Analisis keperluan perlu dilakukan untuk mendapatkan data kualitatif bagi mereka bentuk model (Richey & Klein, 2007) dan dijalankan sebelum mereka bentuk model.

Kajian ini dijalankan bagi mencapai objektif khusus yang berikut:

- i. mengenal pasti keperluan membangunkan model proses pembinaan buku teks.

Berdasarkan objektif kajian, penyelidikan ini bertujuan mendapatkan jawapan bagi persoalan berikut:

- i. Apakah keperluan model proses pembinaan buku teks?

## 2. Sorotan Literatur

Proses pembinaan bahan pengajaran dan buku teks perlu bersandarkan kerangka prinsip yang khusus. Kerangka kerja yang baik ialah kerangka yang lebih berprinsip, mempunyai koheren, dan fleksibel kerana didapati kebanyakan kerangka yang wujud kini tidak memberikan justifikasi teoretikal bagi langkah-langkah atau susunannya (Tomlinson, 2013). Dalam proses pembinaan buku teks, yang menjadi penekanan ialah penghasilan buku teks yang bermutu untuk menjadikan pengajaran dan pembelajaran lebih berkesan. Dalam pelbagai institusi pendidikan, pembinaan buku teks dianggap sebagai salah satu aspek yang sangat penting yang dapat meningkatkan pembelajaran dan membantu dalam pencapaian matlamat dan objektif akademik (Kapur, 2019).

Dick, Carey, dan Carey (2015) menekankan kepentingan pendekatan sistematik dalam reka bentuk pengajaran, yang merangkumi pembangunan buku teks. Terdapat kepentingan untuk meneliti dan mempertimbangkan proses dalam pembinaan buku teks dan cara proses itu boleh dikonseptualisasikan dengan pembangunan kerangka atau model pembinaan buku teks yang menyeluruh (Walsh & Cullen, 2021). Dengan pembangunan model yang menunjukkan proses pembinaan buku teks yang tersusun dan sistematik, para guru dan pembina buku teks akan lebih terpandu untuk menghasilkan buku teks yang bermutu dan berkesan

### 3. Metod Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji memilih model ADDIE, satu model desain atau reka bentuk pembelajaran yang sistematik (Tomlinson, 2013). Peringkat-peringkat dalam proses pembangunan dalam kajian jenis kedua ini dijalankan mengikut prosedur atau fasa yang saling bergantung untuk menghasilkan satu proses yang sistematik yang mempunyai langkah-langkah tersusun untuk menghuraikan masalah pembelajaran yang berkaitan dengan pembinaan buku teks yang selaras dengan keperluan serta profil pelajar (Widyastuti & Susiana, 2019).

Berdasarkan reka bentuk model ADDIE, kajian ini dibahagikan kepada tiga fasa utama. Fasa Satu merupakan fasa analisis keperluan; Fasa Dua menyentuh aspek reka bentuk dan pembangunan; Fasa Tiga merupakan bahagian pengimplementasian dan penilaian. Namun, dalam artikel ini, tumpuan akan diberikan pada bahagian Fasa Satu, iaitu fasa analisis keperluan bagi pembangunan model ini. Dalam penyelidikan mengenai pembangunan model, kajian analisis keperluan dijalankan agar pengkaji dapat memastikan asas keperluan sesuatu produk (Saedah Siraj et al., 2020) dan agar produk yang dihasilkan dapat memenuhi keperluan dan spesifikasi pengguna (Muruganantham, 2015). Data yang dipungut bagi Fasa Satu ini merupakan data kualitatif yang diperoleh daripada temu bual dengan beberapa golongan peserta kajian, iaitu guru, pelajar dan kumpulan pakar.

Keperluan fasa ini adalah untuk menjawab soalan-soalan yang berikut dalam Jadual 1:

Jadual 1: Soalan Kajian bagi Fasa Analisis Keperluan

| Soalan 1: Apakah keperluan model proses pembinaan buku teks?                    |
|---------------------------------------------------------------------------------|
| 1.1) Apakah pandangan guru dan pelajar tentang buku teks?                       |
| 1.2) Apakah pandangan pakar tentang keperluan model proses pembinaan buku teks? |

Oleh sebab kajian ini berfokus pada pembinaan buku teks di Singapura, maka kajian ini dijalankan di Singapura dan melibatkan sekolah-sekolah rendah. Pungutan data dalam fasa ini memerlukan pengkaji untuk menggunakan kaedah temu bual dengan pelajar sekolah rendah, guru yang mengajar di sekolah rendah dan pakar yang terlibat dalam proses pembinaan buku teks. Temu bual melalui perbincangan kumpulan berfokus atau FGD ini telah dijalankan dengan 20 guru dan 30 pelajar yang telah menggunakan buku teks yang dihasilkan sebelum ini secara berasingan. Mereka ditemu bual untuk mendapatkan pandangan mereka tentang buku teks yang dibina sebelum ini. Teknik persampelan kemudahan (*convenience sampling*) dijalankan bagi pemilihan guru dan pelajar dalam FGD ini.

Dalam kajian ini, pengkaji juga menggunakan teknik pensampelan bertujuan (*purposive sampling*) yang merupakan pendekatan sampel bukan kebarangkalian (*non-probability*) yang popular (Creswell, 2014). Pemilihan peserta adalah berdasarkan teknik persampelan pakar (*expert sampling*). Pensampelan pakar ini sering digunakan dalam kajian yang memerlukan pelibatan dan pandangan individu yang mempunyai tahap pengetahuan dan kepakaran dalam bidang yang dikaji. Untuk kajian ini, 11 orang pakar yang mempunyai pengetahuan dan kemahiran dalam bidang pendidikan bahasa Melayu dan kurikulum telah dipilih.

Ketika membuat pemilihan peserta mahupun responden kajian, garis panduan yang ditetapkan oleh UPSI diikuti dan kebenaran untuk menjalankan kajian turut diperoleh mengikut arahan dan ketetapan yang ditentukan. Pengkaji juga telah memaklumkan para peserta kajian tentang kajian yang dilakukan. Mereka juga telah memberikan kebenaran untuk menyertai kajian ini bagi memberikan data yang diperlukan. Pengkaji akur tentang aspek autonomi, keselamatan dan kerahsiaan peserta yang penting untuk diambil kira dan dititikberatkan dalam kajian ini.

Dalam Fasa 1 ini, pengkaji melihat aspek keperluan model proses pembinaan buku teks ini melalui pandangan guru dan pelajar tentang buku teks yang dihasilkan sebelum ini. Pengkaji juga menemu bual para pakar bagi mendapatkan pandangan mereka mengenai keperluan model bagi proses pembinaan buku teks. [Jadual 2](#) menunjukkan peserta kajian yang terlibat dan instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data dalam Fasa 1 ini.

Jadual 2: Peserta dan Instrumen Kajian bagi Fasa Analisis Keperluan

| Fasa               | Peserta Kajian   | Instrumen Kajian       |
|--------------------|------------------|------------------------|
| Analisis Keperluan | 20 orang guru    | Temu Bual Guru         |
|                    | 30 orang pelajar | Temu Bual Pelajar      |
|                    | 11 orang pakar   | Temu Bual dengan Pakar |

Beberapa kaedah digunakan untuk menganalisis data dalam kajian ini. Kaedah analisis bergantung kepada instrumen yang digunakan bagi mendapatkan data yang tepat dan menyeluruh. Yang berikut dalam [Jadual 3](#) merupakan kaedah analisis data bagi setiap instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

Jadual 3: Kaedah Analisis Data bagi Fasa Analisis Keperluan

| Fasa               | Instrumen                                      | Kaedah Analisis             |
|--------------------|------------------------------------------------|-----------------------------|
| Analisis Keperluan | Temu Bual dengan Guru                          | Perbincangan Berfokus (FGD) |
|                    | Temu Bual dengan Pelajar                       | Perbincangan Berfokus (FGD) |
|                    | Temu Bual dengan Pakar tentang keperluan model | Kaedah Tematik              |

Untuk Fasa Analisis Keperluan, pengkaji menganalisis dapatan daripada temu bual dengan guru dan pelajar melalui kaedah perbincangan kumpulan berfokus (*focus group discussion* - FGD) yang dijalankan. Temu bual atau FGD yang dijalankan itu bertujuan untuk mengetahui maklum balas guru dan pelajar mengenai buku teks yang dibina sebelum ini. Temu bual memberikan informasi yang berguna dan agak tuntas oleh peserta kajian, dan memberikan para pengkaji data kualitatif yang kaya dan terperinci untuk memahami pengalaman peserta yang ditemu bual ([Rubin & Rubin, 2012](#); [Creswell, 2014](#)). Kaedah analisis temu bual dengan pakar pula dilakukan melalui kaedah tematik. Pendekatan analisis tematik dipilih kerana kaedah tersebut merupakan satu kaedah yang lazim digunakan oleh para penyelidik untuk menganalisis data kualitatif seperti temu bual dan analisis dokumen ([Naeem et al., 2023](#)). Dalam bahagian ini, pengkaji menggunakan kaedah analisis tematik deduktif dengan menetapkan hipotesis kajian dan untuk melihat kaitan antara hasil dapatan dengan hipotesis tersebut. Maksudnya, pengkaji akan menentukan beberapa set kod sebelum mendapatkan data. Setelah data

diperoleh, maka pengkaji perlu meneliti data-data tersebut bagi mengenal pasti data yang menepati kod-kod itu.

#### 4. Hasil Kajian

##### 4.1. Soalan 1.1: Apakah pandangan guru dan pelajar tentang buku teks?

Melalui temu bual atau FGD itu, beberapa perkara telah ditimbulkan oleh para guru mengenai buku teks yang digunakan, seperti yang terdapat di dalam [Jadual 4](#).

Jadual 4: Maklum Balas Guru melalui FGD

| No. | Aspek                      | Perkara yang Ditimbulkan                                                                                                                                                                       |
|-----|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Reka Letak dan Reka Bentuk | Buku Teks kurang menarik kerana kurang visual untuk membantu pelajar dalam pembelajaran, Format buku agak lama dan agak lapuk                                                                  |
| 2   | Sastera                    | Kurangnya cerita-cerita rakyat yang dapat menunjukkan kehidupan dan nilai-nilai yang dipegang oleh masyarakat Melayu.                                                                          |
| 3   | Tatabahasa                 | Aspek pengajaran tatabahasa secara eksplisit dikenalkan agak lewat, iaitu pada peringkat Darjah Tiga. Komponen tatabahasa di dalam buku teks kurang mendalam untuk membantu pemahaman pelajar. |
| 4   | Tema dan Topik             | Terdapat keterbatasan dari segi tema. Ini disebabkan kurang fokus untuk membantu pelajar lemah yang tidak memahami tema atau perkara yang diketengahkan.                                       |

[Jadual 5](#) pula menunjukkan maklum balas pelajar yang ditemu bual mengenai buku teks yang digunakan oleh mereka.

Jadual 5: Maklum Balas Pelajar melalui FGD

| No. | Aspek                      | Perkara yang Ditimbulkan                                                                                                           |
|-----|----------------------------|------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------------|
| 1   | Reka Letak dan Reka Bentuk | Buku kurang menarik kerana kurang gambar.                                                                                          |
| 2   | Sastera                    | Terdapat pelajar yang mendapati buku-buku cerita dalam bahasa Melayu kurang menarik. Kurang cerita-cerita lama dan sastera Melayu. |
| 3   | Tatabahasa                 | Terdapat aspek tatabahasa yang sukar                                                                                               |
| 4   | Tema dan Topik             | Terdapat yang merasakan bahawa topik seperti makanan serantau sukar untuk dikaitkan dengan diri mereka.                            |
| 5   | Kosa Kata                  | Terdapat pelajar yang mendapati beberapa teks yang teknikal agak sukar difahami disebabkan terdapatnya perkataan-perkataan sukar.  |

Dapatan menunjukkan bahawa kedua-dua guru dan pelajar melihat beberapa kekurangan pada buku teks tersebut seperti; (1) reka letak dan desain yang tidak menarik. Keberkesanan reka letak dan desain sesebuah buku teks itu dapat dipengaruhi oleh stail sumber atau *resource style*, hasil pembelajaran yang ingin dicapai dan profil pelajar. Namun, kejelasan, koherens, konsistensi dan estetik pada buku tersebut juga boleh menjadi prinsip-prinsip yang harus dipertimbangkan dalam menyediakan reka letak yang mesra pengguna dan meningkatkan pembelajaran ([Behnke, 2018](#)).

Guru dan pelajar berasa bahawa (2) teks sastra yang kurang didedahkan kepada pelajar. Penggunaan unsur sastra dalam pengajaran dan pembelajaran mampu memberikan kesan dalam melahirkan pelajar yang berfikir kritis mengikut tahap keupayaan mereka tersebut terutamanya pada peringkat sekolah rendah. Ini dapat dihayati dan akan diaplikasikan dalam kehidupan mereka (Kartini, Ali & Kata, 2021).

Seterusnya, (3) aspek tatabahasa yang terdapat di dalam buku teks didapati agak sukar untuk pemahaman pelajar. Elemen tatabahasa amat penting dalam pengajaran dan pembelajaran Bahasa Melayu untuk membantu pelajar dalam pemerolehan bahasa untuk pelajar menguasai bahasa dengan mudah (Ja'apar, F, 2017). Malah, aspek tatabahasa ini harus dijalankan secara berkonteks untuk memudahkan pemahaman pelajar (Yusof et al., 2020). Oleh yang demikian, aspek tatabahasa di dalam buku teks sekolah rendah harus dipermudah dan dikaitkan dengan konteks yang dekat dengan diri pelajar bagi memudahkan pemahaman.

Menurut guru dan pelajar, (4) terdapat tema dan topik di dalam buku teks yang tidak dekat dengan pelajar. Topik-topik yang dibentangkan dalam pengajaran bahasa merupakan aspek yang amat penting kerana ia meningkatkan pelibatan aktif pelajar, kesediaan dan keinginan mereka untuk berkomunikasi dan memberikan motivasi kepada mereka untuk belajar (Mithans & Grmek, 2020). Maka, topik-topik yang biasa dan dekat dengan diri pelajar akan memberikan semangat dan keyakinan diri pelajar dalam pembelajaran.

Aspek (5) kosa kata yang sukar di dalam buku teks juga ditimbulkan oleh guru dan pelajar. Dalam pengajaran bahasa, aspek kosa kata memainkan peranan penting kerana apabila pelajar dapat menguasai kosa kata dalam bahasa tersebut, maka ini akan meningkatkan penguasaan bahasa pelajar dan menjadikannya pengguna yang lebih yakin (Fan & Liu, 2022). Kosa kata yang diajarkan kepada pelajar perlu mengambil kira konteks pelajar dan ditumpukan kepada kosa kata asas untuk membantu mereka beralih ke peringkat pembelajaran yang seterusnya (Nakayama, 2021).

#### **4.2. Soalan 1.2: Apakah pandangan pakar tentang keperluan model proses pembinaan buku teks?**

Melalui respons yang diberikan, pengkaji telah menggunakan Perisian *Microsoft Delve* untuk mengalisis data kualitatif yang diperoleh. Melalui perisian tersebut, pengkaji telah mengenal pasti beberapa kod daripada respons para pakar. Pengekoden yang dilakukan menunjukkan bahawa para peserta kajian sepakat dan bersetuju bahawa model bagi proses pembinaan bahan pengajaran, khususnya buku teks, perlu dan penting.

##### *4.2.1. Soalan Temu Bual: Terdapatkah anda rasa bahawa model bagi proses pembinaan bahan pengajaran/buku teks itu penting? Mengapa?*

Dapatan temu bual dengan pakar ini adalah seperti yang berikut:

##### **i. Model perlu sebagai satu panduan**

Peserta kajian bersetuju bahawa dengan berpanduan model tersebut proses pembinaan buku teks akan menjadi lebih lancar dan baik lagi. Hal ini disebut oleh para peserta kajian seperti kenyataan yang berikut:

*“Model tu perlu. Tanpa model sukar untuk membina bahan. Contoh Addie untuk bangunan bahan pengajaran BM sebagai bahasa asing. Sebabnya perlu ada model sebagai sandaran bagi menunjukkan keserjanaan dan saintifik kajian yang dilaksanakan. Maksudnya kajian kita itu mengubah suai model sedia ada dan dengan itu kita memberi sumbangan besar dalam kajian dan ada sandarannya” (P2)*

Model yang menunjukkan langkah-langkah atau prosedur yang teratur, sistematik dan mudah untuk diikuti oleh guru dan pembina buku teks. Proses dalam pembinaan buku teks harus dilakukan secara ideal melalui langkah-langkah yang berstruktur dan berprinsip agar pembelajaran dapat disampaikan dengan berkesan (Li & Wang, 2024).

#### ii. Model perlu untuk menjamin mutu bahan pengajaran dan buku teks

Menurut para peserta kajian, dengan bersandarkan model bagi proses pembinaan buku teks, para pembina buku teks berupaya untuk mengikut langkah-langkah yang disarankan dan membuat penghalusan pada setiap peringkat untuk menjamin mutu buku teks tersebut. Hal ini disokong oleh kenyataan para peserta kajian seperti yang berikut:

*“Sekurang-kurangnya semua bahan dapat diperbaik kerana melalui proses dalam model ini. Barulah kita dapat menjamin bahan itu bermutu.” (P6)*

Para pakar bersetuju bahawa proses yang berprinsip, fleksibel dan koheren dapat menghasilkan buku teks yang bermutu tinggi (Tomlinson, 2013). Sebuah model yang memaparkan proses-proses dalam pembinaan buku teks perlu untuk memastikan pembinaan buku teks yang bukan sahaja bermutu tetapi juga berkesan dan dapat dimanfaatkan oleh para penggunanya.

#### iii. Model perlu untuk memastikan ketekalan prinsip

Dengan terdapatnya model bagi proses pembinaan buku teks ini, ketekalan prinsip pembinaan buku teks itu dapat dijamin. Proses atau prosedur dalam pembinaan buku teks merupakan satu proses yang rumit dan perlu bersandarkan beberapa prinsip yang telah disahkan oleh para pengkaji dan pembina buku teks. Hal ini disokong oleh beberapa peserta kajian melalui kenyataan yang berikut:

*“Model tersebut akan memastikan ketekalan dalam prinsip-prinsip kurikulum yang ingin diterapkan dan diamalkan.” (P6)*

Pembinaan bahan pengajaran dan buku teks khususnya, perlu mengikut prinsip-prinsip yang tekal dan kukuh. Prinsip pembinaan buku teks harus merangkumi aspek kesan atau impak buku teks terhadap penggunanya, kerelevanan dan kebolehgunaan buku teks yang dibina, keupayaannya untuk memberikan peluang kepada pengguna atau pelajar untuk berinteraksi, dan kegunaan buku teks untuk pengguna yang pelbagai keupayaan dan kebolehan (Tomlinson, 2011).

#### iv. Model perlu untuk memastikan kesinambungan proses

Dalam sesebuah proses pembinaan buku teks yang sememangnya rumit, melibatkan beberapa pakar dan pegawai yang dapat sama-sama memberikan input dan maklum

balas dan berbincang untuk memastikan buku teks yang bermutu. Maka itu, proses tersebut perlu terus dijalankan dan terpelihara kerana tenaga kerja yang ada mungkin akan berubah-ubah. Ini ditekankan dalam kenyataan yang berikut:

*“Kesinambungan pembangunan bahan itu terjaga walaupun tenaga kerjanya berubah.” (P6)*

Dalam sesuatu sistem, perlu ada satu langkah-langkah sistematik yang menjadi sandaran untuk menjamin kesinambungan. Dengan adanya model yang menunjukkan laluan prosedur tersebut secara teratur, maka sistem itu dapat terus digunakan dan diikuti sampai bila-bila. Proses itu dapat disemak dan dikemas kini dari masa ke semasa, namun pada asasnya, proses itu terjaga. Ini penting kerana pembina buku teks mungkin akan berubah-ubah tetapi proses melalui model yang sama dapat diteruskan oleh pembina buku teks yang lain.

## 5. Kesimpulan

Kesimpulannya, dalam menjalankan kajian ini, pengkaji perlu menjalankan analisis keperluan sebelum dapat melanjutkan kajian ini untuk membangunkan satu model bagi menunjukkan proses pembinaan buku teks yang menyeluruh dan sistematik. Pandangan daripada guru dan pelajar menunjukkan bahawa keperluan mereka sebagai pengguna harus dipertimbangkan agar buku teks yang dibina bukan sahaja dapat memenuhi keperluan pelajar, malah dapat meningkatkan pembelajaran mereka. Pandangan pakar bagi memperlihatkan keperluan untuk membangunkan model proses pembinaan buku teks ini juga penting bagi mengukuhkan dapatan yang diperoleh.

## Kelulusan Etika dan Persetujuan untuk Menyertai Kajian (*Ethics Approval and Consent to Participate*)

Para penyelidik menggunakan garis panduan etika penyelidikan yang disediakan oleh Jawatankuasa Etika Penyelidikan Universiti Pendidikan Sultan Idris (RIMCUPSI). Semua prosedur yang dilakukan dalam kajian ini yang melibatkan subjek manusia telah dijalankan mengikut piawaian etika jawatankuasa penyelidikan institusi. Kebenaran dan persetujuan mengikuti kajian turut diperoleh daripada semua peserta kajian.

## Penghargaan (*Acknowledgement*)

Terima kasih kepada responden yang telah memberikan kerjasama dalam menjayakan kajian ini.

## Kewangan (*Funding*)

Kajian dan penerbitan ini tidak menerima sebarang tajaan atau bantuan kewangan daripada mana-mana pihak.

## Konflik Kepentingan (*Conflict of Interest*)

Tiada unsur konflik kepentingan dalam penyelidikan ini.

## Rujukan

- Behnke, Y. (2018). Textbook Effects and Efficacy. In E. Fuchs & A. Bock (Eds.), *The Palgrave Handbook of Textbook Studies*. Palgrave Macmillan, New York.
- Creswell, J. W. (2014). *Research design: Qualitative, quantitative, and mixed methods approaches* (4th ed.). SAGE.
- Dahlia Janan, Mohd Hafiz Mohammad Tarmizi, Punaji Setyosari, Norliza Jamaluddin, Siti Saniah Abu Bakar & Lin Chia Ying. (2024). Model of Teaching Malay Language To Non-Native and Foreign Speaker. *Malaysian Journal of Learning and Instruction*, 21(1), 1-38.
- Dick, W., Caareyz, L., & Carey, J. O. (2015). *The systematic design of instruction* (8th ed.). Pearson.
- Fan, N., & Liu, Q. (2022). Vocabulary Research of English Textbooks for Primary and Secondary Schools. *Journal for the Study of English Linguistics*, 10(1), 13. <https://doi.org/10.5296/jsel.v10i1.19909>
- Hafni, N., Muklir, D. K. D. A., & Riski, A. (2023). *iJournals: International Journal of Social Relevance & Concern (IJSRC)*, 11(7), Article 110703. <https://doi.org/10.26821/IJSRC.117.2023.110703>
- Ja'apar, F. (2017). *Bahan Bantu Mengajar (BBM) untuk Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian*. Fakulti Pendidikan Teknikal dan Vokasional, Universiti Tun Hussein Onn, Malaysia.
- Jolly, D., & Bolitho, R. (2011). A framework for materials writing. In B. Tomlinson (Ed.), *Materials development in language teaching* (2nd ed., pp. 90–115). Cambridge University Press.
- Kapur, R. (2019). *Development of teaching-learning materials*. ResearchGate. [https://www.researchgate.net/publication/334083571\\_Development\\_of\\_Teaching-Learning\\_Materials](https://www.researchgate.net/publication/334083571_Development_of_Teaching-Learning_Materials)
- Kartini, R., Ali, A. H., & Kata, N. (2021). Unsur Sastra Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran di Sekolah Rendah Melahirkan Murid Berfikiran Kritis. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 3(540-550).
- Li, F., & Wang, L. (2024). A study on textbook use and its effects on students' academic performance. *Disciplinary Interdisciplinary Science Education Research*, 6(4). <https://doi.org/10.1186/s43031-023-00094-1>
- Mithans, M., & Grmek, M. (2020). *The use of textbooks in the teaching-learning process*. *New Horizons in Subject-Specific Education: Research Aspects of Subject-Specific Didactics* (pp. 201-228). <https://doi.org/10.18690/978-961-286-358-6.10>
- Muruganantham, G. (2015). Developing an e-content package using the ADDIE model. *International Journal of Applied Research*, 1, 52–54.
- Musilekwa, S., & Mulenga, I. M. (2019). Development of social studies learners' textbooks for secondary schools in Zambia. *Journal of Education and Practice*, 10(6). <https://doi.org/10.7176/JEP.10.6>
- Naeem, M., Ozuem, W., Howell, K., & Ranfagni, S. (2023). A Step-by-Step Process of Thematic Analysis to Develop a Conceptual Model in Qualitative Research. *International Journal of Qualitative Methods*, 22.
- Nakayama, S. (2022). *Vocabulary in Japanese EFL textbooks: A bidirectional coverage analysis*. In *The IAFOR International Conference on Education – Hawaii 2022 Official Conference Proceedings* (pp. 157-169). <https://doi.org/10.22492/issn.2189-1036.2022.15>
- Richey, R. C., & Klein, J. (2007). *Design and development research: Methods, strategies, and issues*. Lawrence Erlbaum Associates Publishers.

- Rubin, H. J., & Rubin, I. S. (2012). *Qualitative interviewing: The art of hearing data* (3rd ed.). Sage.
- Saedah Siraj, Muhd Ridhuan Tony Lim Abdullah & Rozaini Muhd Rozkee. (2020). *Pendekatan penyelidikan reka bentuk dan pembangunan: Aplikasi kepada penyelidikan pendidikan*. Nur Niaga Sdn. Bhd.
- Son, J. W., & Diletti, J. (2017). What can we learn from textbook analysis? In J. W. Son, T. Watanabe, & J. J. Lo (Eds.), *What matters? Research trends in international comparative studies in mathematics education* (pp. 3-32). Cham, Switzerland: Springer International Publishing.
- Tomlinson, B., & Masuhara, H. (Eds.). (2010). *Research for materials development in language learning*. Bloomsbury Publishing.
- Tomlinson, B. (Ed.). (2011). *Materials development in language teaching* (2nd ed.). Cambridge University Press.
- Tomlinson, B. (Ed.). (2013). *Developing materials for language teaching* (2nd ed.). Bloomsbury Publishing.
- Walsh, N., & Cullen, B. (2021). Materials development frameworks and the challenges of developing learning materials. In P. Clements, R. Derrah, & P. Ferguson (Eds.), *Communities of teachers & learners*. JALT. <https://doi.org/10.37546/JALTPCP2020-37>
- Widyastuti, E., & Susiana. (2019). Using the ADDIE model to develop learning material for actuarial mathematics. *Journal of Physics: Conference Series*, 1188, 012052. doi:10.1088/1742-6596/1188/1/012052
- Yusof, Z., Shaari, M. R., & Ayob, A. (2020). Amalan Pemilihan Tatabahasa Pedagogi Berkonteks oleh Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *International Journal of Humanities, Philosophy and Language*, 3(9), 36-43.